

Paras air Sungai Golok naik

RANTAUPANJANG—Walaupun paras air Sungai Golok, di sini, meningkat ke paras berjaga-jaga, namun keadaan di kawasan sering dilanda banjir masih terkawal dan boleh dilalui oleh semua jenis kenderaan.

Penduduk Kampung Bukit Lata, Shuhaimi Razak, 54, berkata, pembinaan benteng batu di sepanjang pangkalan haram Pak Teh Kana sehingga Mundok berjaya mengurangkan kemasukan air ke kawasan perkampungan.

Menurutnya, situasinya berbeza berbanding semasa kejadian banjir pada tahun lalu yang mana air mula melimpah ke atas jalan raya apabila mencecah paras berjaga-jaga.

"Pada tahun lepas, bila air naik ke paras berjaga-jaga, penunggang motosikal tak berani lalu kerana arus air agak deras. Dengan adanya benteng baharu itu, air masuk lebih perlahan dan dapat kurangkan faktor banjir di kawasan ini," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Rantau Panjang, Abdull Aziz Abdul Rahman berkata, hujan pada setiap petang sejak beberapa hari lalu menyebabkan paras air Sungai Golok meningkat dalam masa kurang 12 jam.

Katanya, peningkatan secara cepat paras air sungai itu turut disebabkan oleh faktor hujan lebat melanda Thailand dan kawasan hulu.



Pasukan Bomba dan Penyelamat Rantau Panjang, merakam gambar paras air Sungai Golok di pangkalan haram Pak Teh Kana.

"Kebiasaannya bila air sungai naik ke paras berjaga-jaga, sebahagian besar pangkalan haram, Lanchang dan Putat Tujoh akan dilimpahi air. Namun pada tahun ini keadaan dilihat masih terkawal.

"Paras air dilihat semakin surut dan semua jenis kenderaan masih boleh keluar masuk ke pekan Rantau Panjang," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Rantau Panjang, Penolong Penguasa Bomba (PPgB) Rahmat Kamaruzaman memaklumkan, trend paras air di Sungai Golok menunjukkan penurunan.

Menurutnya, paras air sungai berkenaan berada pada ketinggian 7.49 meter pada jam empat petang semalam, berbanding 7.59 meter lima jam sebelumnya.

"Pergerakan arus air dilihat agak perlahan, namun masih berada pada

paras berjaga-jaga. Air sungai mula melimpahi gigi tebing dan kawasan lapang pangkalan haram di sini.

"Penduduk terutama di kawasan sering dilanda banjir dan kawasan perumahan sepanjang Sungai Golok diminta agar sentiasa peka dengan perubahan paras air," katanya.

Tambahnya, setakat ini hanya laluan di Kampung Tasek Bakong-Putat Tujoh dan Lanchang dilimpahi air, tetapi masih selamat untuk dilalui oleh kenderaan ringan.

Katanya, sekiranya hujan berlanjutan di kawasan Rantau Panjang atau kawasan hulu, paras air mungkin akan kembali meningkat.

"Buat masa ini kami mohon penduduk peka dengan perubahan paras air dan sentiasa merujuk laman web Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)," katanya.